

Elak jadi mangsa penjajahan digital

SAUDARA PENGARANG,

TAHUN 2020 semakin sampai ke penghujung. Selain pandemik Covid-19, terdapat banyak cabaran lain yang dihadapi sepanjang tahun ini.

Antaranya rakyat masih lagi dipisahkan berdasarkan kaum. Dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah, universiti dan alam pekerjaan, ia masih berlaku.

Terdapat rakyat yang tidak mampu berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa kebangsaan sehingga menyebabkan mereka hanya bergaul dengan kaum sendiri. Keadaan itu umpama situasi pecah dan perintah yang menjadi amalan penjajah di seluruh dunia sejak zaman-berzaman.

Perkara ini tidak sepatutnya berterusan di era negara yang merdeka. Sepatutnya hanya satu sistem sekolah dibenarkan. Semua sekolah hendaklah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar selaras

Perkara 152

Perlembagaan Persekutuan yang menetapkannya sebagai bahasa kebangsaan.

Kita juga menghadapi cabaran untuk memastikan maklumat peribadi seperti nama, nombor telefon dan rekod aktiviti melayari media sosial tidak disalah guna pihak lain.

Dengan jumlah data yang sangat besar, syarikat pengeluar aplikasi boleh menganalisis kelakuan dan kesukaan setiap orang daripada kita. Dengan pengetahuan yang sangat terperinci, syarikat berkenaan boleh mempengaruhi keputusan kita untuk memilih makanan, pakaian dan ubat-ubatan.

Bukan setakat itu sahaja, mereka boleh mempengaruhi kita untuk memilih parti tertentu dalam pilihan raya. Kebanyakan syarikat besar dalam bidang internet seperti Google, Facebook dan Amazon dimiliki oleh warga Amerika Syarikat. Sementara syarikat seperti WeChat, TikTok dan Alibaba dimiliki oleh rakyat China.

Keupayaan mereka untuk menentukan pilihan kita akan mengundang penjajahan bentuk baharu dikenali sebagai penjajahan digital.



Dengan pengetahuan yang sangat terperinci, syarikat berkenaan boleh mempengaruhi keputusan kita untuk memilih makanan, pakaian dan ubat-ubatan.”

SARBANI DAUD

Universiti Malaysia Pahang